

# PEKELILING NAIB CANSOLOR

**Bilangan 20 Tahun 2020**

## **PEKELILING DASAR PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf UiTM berkenaan Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat Universiti Teknologi MARA.

### **2. LATAR BELAKANG**

2.1 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 29/2019 pada 18 Disember 2019 telah meluluskan pemakaian Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 9/2020 pada 8 April 2020 telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Penilaian Maklumat.

2.2 Objektif utama Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat UiTM adalah :

- a) menggalakkan staf untuk tampil memberi maklumat berkaitan salah laku staf yang diketahui olehnya;
- b) memberi perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan sekiranya hadir membuat laporan atau memberi maklumat dengan niat suci hati (good faith); dan
- c) menguruskan pendedahan salahlaku staf berlandaskan peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa.

### **3. PELAKSANAAN**

3.1 Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat UiTM adalah seperti di **Lampiran** atau boleh dimuat turun dari laman sesawang Unit Integriti di <https://integriti.uitm.edu.my>.


3.2 Ketua Jabatan dan semua Staf UiTM hendaklah membaca, memahami dan mematuhi Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat UiTM.

4. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 15 Julai 2020

5. **PEMAKAIAN**

Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA.



**PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM**  
Naib Canselor

*Dikellilingkan Kepada:*  
*Ahli Majlis Eksekutif Universiti*  
*Semua Rektor UiTM. Cawangan*  
*Semua Dekan Fakulti*  
*Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit*  
*Semua Warga UiTM*

*Bil. Fail : 100-UInt. (NC 6/2)*  
*No Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 09*